

# Sayembara tawar hadiah RM130,000

## ITBM, PENA, Berita Harian bekerjasama anjur pertandingan

Oleh Adli Shahar  
adli@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Hadiah keseluruhan berjumlah RM130,000 ditawarkan pada Sayembara Penulisan Novel, Cerpen dan Puisi anjuran bersama Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA) dan *Berita Harian*.


Ketua Pegawai Eksekutif ITBM, Mohd Khair Ngadiron berkata, sayembara tiga kategori itu terbuka kepada semua penulis muda warga Malaysia berumur 45 tahun ke bawah, bertujuan melahirkan penulis muda yang matang dan mampu menyumbang kepada pembangunan insaniah.

"Johan Kategori Novel akan me-

nerima wang tunai RM15,000, kedua (RM12,000), ketiga (RM10,000) dan tujuh hadiah sagu hati bernilai RM3,000 setiap satu kerana berjaya menghasilkan karya terbaik," katanya pada sidang media Pelaksanaan Kerjasama Penerbitan Karya Asli Antara ITBM, PENA dan Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB), di sini semalam.

Hadir sama, Presiden PENA, Dr Mohamad Saleeh Rahamad; Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Mior Kamarul Shahid dan Pengarah Urusan PNMB, Izham Yusoff.

Johan Kategori Kumpulan Cerpen dan Kumpulan Puisi masing-masing menerima RM10,000, kedua (RM7,000), ketiga (RM5,000) dan tujuh hadiah sagu hati bernilai RM2,000 setiap satu, selain peserta



IZHAM Yusoff (kanan), Mohd Khair dan Dr Mohamad Saleeh Rahamad bertukar dokumen perjanjian Pelaksanaan Kerjasama Penerbitan Karya Asli antara ITBM, PENA dan PNMB, di Kuala Lumpur, semalam.

sayembara bebas menghantar seberapa banyak penyertaan.

Mohd Khair berkata, bagi Kategori Novel, pengarang diberi masa setahun berkarya dan tarikh tutup penghantaran manuskrip pada 31 Januari tahun depan, manakala Kategori Kumpulan Cerpen dan Puisi pula ialah 31 Julai 2012 dengan pengarang perlu menghasilkan 10 cerpen untuk setiap kumpulan cerpen, manakala 30 puisi untuk kumpulan puisi.

Katanya, pengarang boleh mel-

lami laman web ITBM di alamat [www.itnm.com.my](http://www.itnm.com.my) untuk maklumat lanjut atau muat turun borang penyertaan sayembara dan boleh dihantar secara dalam talian di alamat [buku@itbm.com.my](mailto:buku@itbm.com.my) atau [buku@pena.com.my](mailto:buku@pena.com.my), tetapi pengiriman manuskrip secara fizikal masih diterima.

Katanya, ITBM turut mengumumkan sasaran penerbitan 10 karya asli penulis tempatan dalam masa sebulan mulai Jun ini menerusi kerjasama PENA dan PNMB

sebagai menyahut peruntukan juta dana pengarang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Razak sempena ulang tahun NA Disember lalu.

Sementara itu, Mior berkata *Berita Harian* berbesar hati kerana kongsi pintar dalam Sayembara Penulisan Novel, Cerpen dan Puisi kerana akhbar ini semestinya sudah lama berhasrat mengadakan pertandingan seumpamanya tetapi tertunda kerana merancang perbelanjaan besar.